

PANDUAN PENGANUGERAHAN GELARAN PROFESOR EMERITUS

1.0 Pendahuluan

Gelaran “Profesor Emeritus” dianugerahkan kepada Profesor di universiti yang telah bersara sebagai satu penghargaan diatas sumbangan yang cemerlang sepanjang perkhidmatan di Universiti Teknologi Malaysia.

2.0 Kuasa Melantik

- 2.1 Lembaga Pengarah Universiti mempunyai kuasa menganugerahkan gelaran “Profesor Emeritus” kepada Profesor di universiti ini yang bersara atau berhenti dari memegang jawatan tersebut.
- 2.2 Perlantikan sebagai Profesor Emeritus akan membawa gelaran Profesor Emeritus dan perlantikan adalah seumur hidup.
- 2.3 Penganugerahan gelaran ini bukanlah secara automatik diberi kepada semua Profesor yang bersara daripada universiti ini.
- 2.4 Timbalan Naib Canselor, Dekan, Profesor boleh mencadangkan seseorang Profesor yang bersara atau berhenti dari memegang jawatan tersebut di anugerahkan Profesor Emeritus kepada Naib Canselor. Sekiranya Naib Canselor berpuas hati, beliau boleh memperakukan kepada Senat Universiti anugerah berkenaan dan seterusnya ke Lembaga Pengarah Universiti.
- 2.5 Surat perlantikan Profesor Emeritus akan dikeluarkan dan ditandatangani oleh Naib Canselor. Majlis penyampaian surat perlantikan akan dibuat dalam satu majlis yang diatitkan.

3.0 Kriteria Penganugerahan Gelaran

- 3.1 Profesor yang akan dicalonkan mesti mempunyai kriteria berikut :-

3.1.1 Tempoh perkhidmatan di Universiti :

3.1.1.1 Telah memegang jawatan Profesor di universiti ini sekurang-kurangnya 10 tahun. Profesor Emeritus boleh juga dianugerahkan kepada Profesor yang tidak memenuhi syarat tempoh perkhidmatan tetapi telah memberi sumbangan yang cemerlang dan diiktiraf oleh universiti.

3.1.1.2 Tidak berkhidmat di UTM semasa proses pemilihan calon.

3.1.2 Telah memberikan sumbangan dan komitmen yang berkesan kepada universiti dan mempunyai reputasi cemerlang dalam bidang akademik di peringkat universiti, kebangsaan atau antarabangsa.

3.1.3 Universiti boleh memanfaatkan ke atas kepakaran dan kersarjanaan calon.

3.2 **Faedah dan Kelayakan**

Profesor Emeritus bukan merupakan staf universiti, tidak menerima ganjaran dan tidak terikat untuk menerima tanggungjawab sebagai profesor universiti. Walau bagaimanapun, Profesor Emeritus boleh dipertimbangkan untuk menerima faedah berikut :-

3.2.1 Menggunakan gelaran Profesor Emeritus bagi semua urusan dan keadaan.

3.2.2 Mendapat kad pengenalan staf yang menyatakan status Profesor Emeritus.

3.2.3 Mengguna beberapa kemudahan tertentu universiti dengan mendapat kelulusan Naib Canselor. Antara kemudahan yang boleh dipertimbangkan adalah;

- i) Dibenarkan memiliki kad bisnes universiti dengan maklumat yang dihadkan kepada nama (termasuk kelayakan), status, maklumat telefon, faksimili dan e-mail. Maklumat tentang tanggungjawab yang tiada kaitan dengan universiti ini tidak boleh dinyatakan.
- ii) Kemudahan perpustakaan sama seperti staf akademik yang lain.
- iii) Pas masuk kenderaan.
- iv) Kemudahan sukan dan rekreasi.
- v) Kemudahan Pusat Kesihatan Universiti, tertakluk kepada kadar kelayakan yang sama dengan staf lain.
- vi) Kemudahan-kemudahan lain, tertakluk kepada kelulusan Naib Canselor.

Kemudahan di atas perlu mendapat sokongan Pendaftar dan tertakluk kepada polisi dan peraturan semasa Universiti.

3.2.4 Layak memakai jubah akademik dan berbaris dalam perarakan sebagai staf akademik Universiti ketika majlis konvoquesyen.

Nama turut disenaraikan di dalam buku cenderamata konvokesyen.

- 3.2.5 Dijemput menghadiri upacara Universiti yang berkaitan dengan bidang kepakaran beliau.
- 3.2.6 Dijemput menghadiri mesyuarat Fakulti sebagai ahli turut hadir tetapi tidak mempunyai kuasa mengundi. Mengikut budi bicara Dekan Fakulti, Profesor Emeritus boleh dijemput menghadiri mesyuarat Fakulti sebagai ahli turut hadir.
- 3.2.7 Profesor Emeritus yang berhasrat untuk terlibat aktif dalam aktiviti penyelidikan atau aktiviti akademik Universiti adalah layak untuk disediakan kemudahan seperti ruang pejabat (sesuai dengan jawatan), ruang makmal dan peralatan, penginapan, kemudahan pengangkutan dan bantuan staf sokongan. Permohonan bagi mendapatkan kemudahan tersebut di atas perlu di buat kepada Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) dengan sokongan Dekan Fakulti berkenaan.
- 3.2.8 Mereka yang ingin menyambung untuk menyelia pelajar di peringkat pasca ijazah, memainkan peranan utama dalam pengendalian persidangan profesional atau aktiviti keserjanaan lain akan di sediakan kemudahan dan bantuan dalam menjayakan peranan mereka.

3.3 **Penggunaan Peruntukan Khas**

- 3.3.1 Sekiranya seorang Profesor Emeritus ada mempunyai peruntukan khas di fakulti semasa beliau masih staf universiti dan bercadang untuk meneruskan penyelidikan atau lain-lain aktiviti keserjanaan selepas persaraan, Dekan perlu memperakukan kepada Naib Canselor supaya membenarkan beliau untuk terus menggunakan peruntukan tersebut.
- 3.3.2 Keputusan untuk membenarkan penggunaan peruntukan khas di fakulti tertakluk kepada kelulusan Senat. Maklumat berikut akan digunakan dalam membantu Senat dalam membuat keputusan :-
 - i) Nilai peruntukan yang akan digunakan.
 - ii) Maklumat penyelidikan atau lain-lain aktiviti keserjanaan yang menggunakan peruntukan tersebut.
 - iii) Pengesahan daripada Bendahari bahawa pengurusan kewangan adalah teratur.

3.4 **Tidak Termasuk Dalam Kelayakan**

- 3.4.1 Profesor Emeritus tidak layak perkara berikut kecuali dengan kelulusan khas Senat :-
- 3.4.1.1 Mengetuai kumpulan penyelidikan atau perundingan
 - 3.4.1.2 Mengurus peruntukan penyelidikan.
 - 3.4.1.3 Terlibat dalam Jawatankuasa Pemilih.
 - 3.4.1.4 Lain-lain jawatankuasa di peringkat universiti seperti Panel Penilaian Prestasi, Panel Kenaikan Pangkat dan Jawatankuasa Penilaian Tahap Kecekapan.
 - 3.4.1.5 Memegang jawatan pentadbiran.
 - 3.4.1.6 Menjadi penyelia utama bagi penyelidikan pasca ijazah.

4.0 Prosedur

4.1 Prosedur dan Pertimbangan Perlantikan

- 4.1.1 Pencalonan mesti di buat secara bertulis dan;
- i) Kriteria seperti perkara 3.0.
 - ii) Mengenalpasti aktiviti kesarjanaan seperti penyelidikan dan pengajaran atau lain-lain aktiviti yang akan dijalankan oleh calon.
- 4.1.2 Mengenalpasti kemudahan dan kelayakan yang akan disediakan untuk calon sekiranya gelaran ini dianugerahkan.

5.0 Penarikan Balik Gelaran

- 5.1 Lembaga Pengarah Universiti atas budi bicaranya boleh menarik balik gelaran Profesor Emeritus apabila pemegang gelaran tersebut telah disabitkan kesalahan jenayah atau salahlaku dan melibatkan diri dalam aktiviti yang menjejaskan nama baik universiti.
- 5.1.1 Pencalonan perlu dikemukakan kepada Senat untuk diperakukan kepada Lembaga Pengarah Universiti membuat keputusan.
 - 5.1.2 Pendaftar akan merekodkan perkhidmatan staf yang dianugerahkan gelaran Profesor Emeritus.